Persepsi Politik dalam Dialek Kedah: Analisis Semantik Kognitif

Nor Hashimah Jalaluddin
Fazal Mohamed Mohamed Sultan
Nurhidayah Mohd Hamid
Shakira Khairudin
Harishon Radzi
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Situasi politik negara pada pasca pilihanraya ke 12 berhadapan dengan fasa yang menarik. Tampuk pemerintahan yang dipegang oleh parti Barisan Nasional (BN) dilihat semakin goyah apabila berlaku beberapa perkara yang luar jangkaan. Perkembangan terkini menyaksikan pelbagai tanggapan atau persepsi lahir daripada pemikiran rakyat terhadap BN. Perletakan jawatan Perdana Menteri, rasuah, rampasan kuasa dan individualistik merupakan antara penyebab yang dilihat telah menjatuhkan reputasi BN sebagai parti yang memerintah. Rakyat kini dilihat sudah berani bersuara menyatakan pendapat. Rasa tidak puas hati ini diterjemah dalam bentuk undi dan mereka telah memilih parti pembangkang yang dirasakan sesuai untuk memerintah. Atas dasar itu, kajian ini dilaksanakan untuk menterjemahkan persepsi masyarakat terhadap isu politik yang melanda negara hari ini. Pengaplikasian teori semantik kognitif iaitu pemaparan skema imej dan pembentukan metafora konsepsi dapat menggambarkan persepsi masyarakat terhadap situasi politik semasa. Kajian ini cuba membuktikan persepsi politik masyarakat boleh dihuraikan bukan sahaja dari perspektif politik tetapi juga dari perspektif linguistik.

Kata kunci: semantik kognitif, skema imej, metafora konsepsi, persepsi

Abstract

The political situation post 12th general election is faced with an interesting phase. The administration governed by Barisan National (BN – National Front) is seen to be unstable when a series of unexpected events emerged. Of late, various perceptions have surfaced among people on the image of BN. The resignation of the Prime Minister, corruption, coup d'état, individualistic are the contributing factors to the damaging image of BN reputation. The people are more vocal in expressing their views. The dissatisfactions are further translated into choosing the opposition party to rule. On that account, this research is carried out and is attempted to interpret the peoples' perception on political issues that transpired today. The application of cognitive semantic through its image schema and conceptual metaphors are able to reflect peoples' perception on the current political

situation. This study tries to prove that political perception can be explained not only from the political perspective but also from the linguistics perspective as well.

***Keywords**: cognitive semantics, image schema, conceptual metaphor, perception.*

Pengenalan

Menurut Mohd Annuar (2007), pemimpin berperanan besar dalam menentukan corak pemikiran dan arah haluan negara bangsa. Pemimpin menentukan tempo dan kandungan agenda negara bangsa dan menentukan wajah dan rupa warga. Masyarakat pula menjadi ikon cerminan kepada sifat dan watak pemimpin dalam sesuatu institusi mahupun negara. Masyarakat yang bersih dan telus, jujur dan ikhlas tidak akan dapat dibentuk jika pemimpin mengamalkan penyelewengan, penipuan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Namun yang demikian, senario konflik yang kita saksikan dalam gelanggang politik hari ini adalah antara mereka, khususnya sekelompok elit Melayu yang memihak atau memberatkan sistem pemikiran rasionalis dengan satu lagi kelompok elit Melayu yang seratus peratus berpegang kepada sistem pemikiran metafizikal. Pertelagahan sesama sendiri ini timbul demi menjaga kepentingan peribadi. Pemimpin kini dilihat lebih mementingkan keuntungan, kedudukan dan keselesaan peribadi berbanding dengan kepentingan rakyat.

Bertitik tolak daripada itu, rakyat mula hilang kepercayaan kepada pemimpin. Rakyat kini sudah berani bersuara menuntut hak yang diketepikan oleh pemimpin. Kelantangan rakyat bersuara juga menunjukkan bahawa jiwa mereka memberontak dan mereka menuntut keadilan. Akibatnya, mereka telah memilih pemimpin yang baru berdasarkan pilihan raya umum. Barisan Nasional (BN) hilang majoriti dua pertiga dalam Parlimen selepas menang 140 kerusi daripada 222 kerusi Parlimen manakala pembangkang memenangi 82 kerusi. BN juga gagal mengekalkan kerajaan negeri di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor selain gagal merampas Kelantan daripada Pas (Utusan Malaysia Online, 22 Mac 2010: *Memulih Sokongan Rakyat*).

Negeri Kedah merupakan salah satu negeri yang jatuh ke tangan pihak pembangkang pada pilihan raya umum yang lepas. Negeri tersebut yang pada suatu masa merupakan kubu kuat Barisan Nasional (BN) kini berada di bawah tampuk pemerintahan

kerajaan Parti Islam Semalaysia (PAS). Kekalahan BN ini sebenarnya memberikan impak yang sangat besar kepada barisan pemimpin negara. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji pemikiran rakyat negeri Kedah berkenaan dengan pandangan mereka terhadap sistem pemerintahan di Malaysia pada hari ini. Kajian akan menerapkan teori semantik kognitif iaitu melalui pemaparan skema imej dan metafora konsepsi.

Politik Malaysia

Senario politik Malaysia sejak kebelakangan ini menunjukkan pola yang tidak stabil dan berubah-ubah. Hal ini dilihat semakin menjadi-jadi semasa berada di tampuk pemerintahan mantan perdana menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Semasa pemerintahannya, beliau telah memperkenalkan pendekatan atau dasar terbuka di mana semua pihak mempunyai hak untuk bersuara. Melalui pendekatan tersebut dapat membuktikan demokrasi di Malaysia masih lagi relevan pada masa kini. Namun kebebasan bersuara telah menyebabkan timbulnya banyak masalah di mana semua kaum saling bersaing untuk mempertahankan hak keistimewaan yang ada pada kaum masing-masing.

Pilihanraya Umum Ke-11(PRU 11) merupakan pilihan raya pertama Tun Abdullah sebagai Perdana Menteri Malaysia. Pada masa itu, parti Barisan Nasional menang besar berbanding dengan parti pembangkang seperti PAS dan DAP sehingga dapat membentuk dua pertiga kerusi Dewan Rakyat. Hal ini dapat memperlihatkan bahawa rakyat mempercayai tampuk pemerintahan kerajaan Barisan Nasional yang pada perkiraan mereka, kerajaan ini telah banyak memberi kemudahan dan kesenangan kepada mereka. Jadual 1 dapat memerihalkan statistik PRU 11 dengan mengambil negeri Kedah sebagai sampel.

BAHAGIAN PILIHAN RAYA	BILANGAN PEMILIH	BILANGAN MENGUNDI	PERATUS PENGUNDIAN	UNDI DITOLAK	MAJORITI	PARTI MENANG
P.4 – LANGKAWI						
N.1 - AYER HANGAT	15,213	12,659	83.21%	262	2,803	BN
N.2 - KUAH	12,767	10,186	79.78%	197	6,175	BN
P.5 – JERLUN						
N.3 - KOTA SIPUTEH	19,209	15,884	82.69%	229	1,573	BN
N.4 - AYER HITAM	24,939	20,935	83.94%	277	860	BN

P.6 - KUBANG PASU						
N.5 - BUKIT KAYU HITAM	23,463	20,333	86.66%	395	6,972	BN
N.6 - JITRA	26,131	21,269	81.39%	372	5,756	BN
P.7 - PADANG TERAP						
N.7 - KUALA NERANG	16,766	14,432	86.08%	244	1,310	BN
N.8 - PEDU	15,646	13,657	87.29%	188	1,899	BN
P.8 - POKOK SENA						
N.9 - BUKIT LADA	22,201	18,848	84.90%	305	2,769	BN
N.10 - BUKIT PINANG	22,617	18,479	81.70%	144	937	PAS
N.11 - DERGA	21,254	15,677	73.76%	185	6,162	BN
P.9 - ALOR STAR						
N.12 - BAKAR BATA	21,617	16,369	75.72%	191	6,037	BN
N.13 - KOTA DARUL AMAN	16,207	11,232	69.30%	235	7,218	BN
N.14 - ALOR MENGKUDU	19,489	15,545	79.76%	182	2,827	BN
P.10 - KUALA KEDAH						
N.15 - ANAK BUKIT	24,523	20,641	84.17%	219	96	PAS
N.16 - KUBANG ROTAN	27,329	21,415	78.36%	389	7,941	BN
N.17 - PENGKALAN KUNDOR	26,939	22,120	82.11%	283	3,429	BN
P.11 – PENDANG						
N.18 - TOKAI	29,254	25,642	87.65%	222	4,179	PAS
N.19 - SUNGAI TIANG	27,926	24,084	86.24%	385	4,250	BN
P.12 – JERAI						
N.20 - SUNGAI LIMAU	24,820	20,952	84.42%	268	1,080	PAS
N.21 - GUAR CHEMPEDAK	17,985	14,153	78.69%	221	3,966	BN
N.22 - GURUN	21,081	15,808	74.99%	685	7,071	BN
P.13 – SIK						
N.23 - BELANTEK	17,314	14,787	85.40%	212	51	PAS
N.24 - JENERI	19,722	16,913	85.76%	280	640	BN
P.14 – MERBOK						
N.25 - BUKIT SELAMBAU	30,322	23,383	77.12%	496	7,695	BN
N.26 - TANJONG DAWAI	27,600	21,715	78.68%	643	5,151	BN
P.15 - SUNGAI PETANI						
N.27 - PANTAI MERDEKA	24,746	21,072	85.15%	249	2,661	BN
N.28 - BAKAR	26,326	19,778	75.13%	269	8,899	BN

ARANG						
N.29 - SIDAM	19,848	14,799	74.56%	359	6,134	BN
P.16 – BALING						
N.30 - BAYU	27,583	23,270	84.36%	293	1,786	BN
N.31 - KUPANG	24,659	20,454	82.95%	296	1,006	BN
N.32 - KUALA KETIL	22,456	18,473	82.26%	289	462	BN
P.17 - PADANG SERAI						
N.33 - MERBAU PULAS	25,958	20,687	79.69%	452	7,415	BN
N.34 - LUNAS	27,967	22,615	80.86%	418	4,239	BN
P.18 - KULIM-BANDAR BAHARU						
N.35 - KULIM	27,147	20,778	76.54%	640	7,365	BN
N.36 - BANDAR BAHARU	22,877	18,060	78.94%	410	3,878	BN
JUMLAH KESELURUHAN	**821,901**	**667,104**		**11,384**		
PURATA KESELURUHAN			**81.17%**	**1.71%**		

Jadual 1: Keputusan pilihan raya negeri Kedah pada tahun 2004

Namun, fenomena ini berubah apabila menjelangnya Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU 12) yang diadakan pada tahun 2008. Pada masa itu, kerajaan Barisan Nasional kalah teruk sehingga membolehkan lima negeri jatuh ke tangan pembangkang. Antaranya termasuklah negeri Selangor, Kedah, Perak dan Pulau Pinang selain Kelantan yang memang sudah dikuasai oleh kerajaan pembangkang pada pilihan raya yang lalu. Peristiwa ini memberi impak yang besar kepada kerajaan Barisan Nasional sehingga membawa kepada perletakan jawatan Tun Abdullah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima. Maka, tampuk pemerintahan seterusnya diambil alih oleh Dato' Seri Najib Tun Razak sebagai perdana menteri yang baharu. Jadual 2 memaparkan statistik PRU ke-12 yang dapat memerihalkan fenomena yang berlaku di negeri Kedah.

BAHAGIAN PILIHAN RAYA	BILANGAN PEMILIH	BILANGAN MENGUNDI	PERATUS PENGUNDIAN	UNDI DITOLAK	MAJORITI	PARTI MENANG
P.4 – LANGKAWI						
N.1 - AYER HANGAT	16,072	12,951	80.58%	297	1,135	BN
N.2 - KUAH	13,495	10,322	76.49%	288	3,324	BN
P.5 – JERLUN						
N.3 - KOTA SIPUTEH	19,771	16,126	81.56%	278	495	BN
N.4 - AYER	25,742	21,171	82.24%	352	506	PAS

HITAM						
P.6 - KUBANG PASU						
N.5 - BUKIT KAYU HITAM	24,992	20,037	80.17%	523	6,995	BN
N.6 - JITRA	28,331	22,312	78.75%	373	2,258	BN
P.7 - PADANG TERAP						
N.7 - KUALA NERANG	18,037	15,245	84.52%	309	805	BN
N.8 - PEDU	17,366	15,200	87.53%	364	2,733	BN
P.8 - POKOK SENA						
N.9 - BUKIT LADA	23,365	19,434	83.18%	395	208	PAS
N.10 - BUKIT PINANG	24,202	20,101	83.06%	372	3,399	PAS
N.11 - DERGA	22,064	15,783	71.53%	740	163	BN
P.9 - ALOR STAR						
N.12 - BAKAR BATA	22,695	16,395	72.24%	240	358	BN
N.13 - KOTA DARUL AMAN	15,087	10,355	68.64%	280	804	DAP
N.14 - ALOR MENGKUDU	21,175	16,460	77.73%	251	2,247	PAS
P.10 - KUALA KEDAH						
N.15 - ANAK BUKIT	26,213	21,877	83.46%	697	3,806	PAS
N.16 - KUBANG ROTAN	28,817	22,050	76.52%	335	1,387	PAS
N.17 - PENGKALAN KUNDOR	28,102	22,285	79.30%	257	3,122	PAS
P.11 – PENDANG						
N.18 - TOKAI	31,117	26,246	84.35%	282	6,578	PAS
N.19 - SUNGAI TIANG	30,229	25,296	83.68%	560	3,006	BN
P.12 – JERAI						
N.20 - SUNGAI LIMAU	25,189	21,171	84.05%	284	3,212	PAS
N.21 - GUAR CHEMPEDAK	18,211	14,278	78.40%	205	1,759	BN
N.22 - GURUN	22,339	16,464	73.70%	798	1,554	BN
P.13 – SIK						
N.23 - BELANTEK	19,016	16,475	86.64%	254	252	BN
N.24 - JENERI	21,323	18,220	85.45%	251	167	PAS
P.14 – MERBOK						
N.25 - BUKIT SELAMBAU	34,977	25,798	73.76%	1,694	2,362	BEBAS
N.26 - TANJONG DAWAI	29,466	23,884	81.06%	618	79	PAS
P.15 - SUNGAI PETANI						
N.27 - PANTAI	27,784	23,139	83.28%	296	503	PAS


MERDEKA						
N.28 - BAKAR ARANG	27,574	20,496	74.33%	490	1,330	PKR
N.29 - SIDAM	20,926	15,747	75.25%	392	3,618	PKR
P.16 – BALING						
N.30 - BAYU	29,197	24,519	83.98%	322	984	BN
N.31 - KUPANG	25,726	21,494	83.55%	334	2,094	PAS
N.32 - KUALA KETIL	23,861	19,697	82.55%	338	4,880	PAS
P.17 - PADANG SERAI						
N.33 - MERBAU PULAS	26,832	21,355	79.59%	483	3,576	PAS
N.34 - LUNAS	32,386	25,711	79.39%	360	10,323	PKR
P.18 - KULIM-BANDAR BAHARU						
N.35 - KULIM	28,598	21,751	76.06%	554	1,244	PKR
N.36 - BANDAR BAHARU	23,397	18,431	78.78%	456	1,849	PAS
JUMLAH KESELURUHAN	**873,674**	**698,276**		**15,322**		
PURATA KESELURUHAN			**79.92%**	**2.19%**		

Jadual 2: Keputusan pilihan raya negeri Kedah pada tahun 2008

Dalam Jadual 2 tersebut, dapat diperhatikan dengan jelas perubahan yang sangat ketara dalam sistem politik di Kedah khususnya. Parti pembangkang dilihat lebih mendominasi pentadbiran kerajaan negeri ini sehingga membolehkan kerajaan negeri ditawan oleh parti pembangkang. Pendekatan yang bagaimanakah yang digunakan oleh parti ini sehingga dapat mengubah persepsi dan pendirian mereka yang seterusnya berjaya mengubah fahaman politik rakyat. Sehubungan itu, makalah ini akan menelusuri pemikiran dan persepsi masyarakat di Kedah terhadap sistem politik di Malaysia selepas tampuk pemerintahan negeri dikuasai oleh Parti Islam Semalaysia (PAS).

Latar Belakang Kajian

Kajian tentang unsur politik dalam dialek Kedah yang dijalankan ini hanya bertumpu di daerah Jitra, Kedah Darul Aman. Proses pengumpulan data telah dilakukan selama tiga hari bermula pada 12 Februari 2010 sehingga 14 Februari 2010. Penulis telah memilih dua buah kampung yang terdapat dalam daerah Jitra iaitu Kampung Asun, dan Kampung Binjai sebagai lokasi kajian.



Peta 1: Peta negeri Kedah

Kajian tentang dialek Kedah ini mempunyai tiga objektif. Pertama, penulis ingin melihat pemikiran masyarakat Kampung Asun dan Binjai di Kedah tentang senario politik semasa di Malaysia. Kedua, penulis ingin mengenal pasti unsur politik dalam dialek Kedah berdasarkan leksikal yang digunakan. Seterusnya, penulis akan menghuraikan unsur leksikal yang berbaur politik ini melalui pengaplikasian teori semantik kognitif.

Bagi mencapai objektif, kajian ini telah mengaplikasikan kaedah kualitatif di mana ia dilaksanakan di dua buah kampung di daerah Jitra iaitu Kampung Asun dan Kampung Binjai. Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah bercerita. Penulis meminta responden untuk bercerita tentang pandangan mereka terhadap tampuk pemerintahan kini. Pada mulanya, penulis menghadapi masalah apabila responden enggan memberikan kerjasama kerana bimbang penulis merupakan ahli daripada mana-mana parti. Namun setelah responden mendapat penjelasan, mereka berubah fikiran lalu memberikan kerjasama. Penulis telah menggunakan alat perakam suara, MP4 dan telefon bimbit sebagai alat untuk merakam perbualan sepanjang sesi temu bual dilakukan.

Penulis telah menggunakan dua orang responden dalam kajian ini iaitu Haji Mehad Bin Adam dan Haji Mahathir Bin Mat Amin yang masing-masing berumur dalam lingkungan 54 tahun dan 70-an. Haji Mehad Bin Adam atau lebih mesra dengan panggilan Pak Mehad merupakan pesara kerajaan dan kini meneruskan kerjaya sebagai petani. Pak

Mehad kini bergiat aktif dalam bidang politik dan memegang jawatan ahli jawatankuasa PAS. Pak Mahathir pula merupakan seorang pekebun yang mengusahakan tanaman buah limau bali.



HAJI MEHAD BIN ADAM
54 TAHUN



HAJI MAHATHIR BIN MAT AMIN
70 TAHUN

Data diklasifikasikan mengikut unsur leksikal yang diperolehi berdasarkan aspek politik, agama dan humor. Namun yang demikian, hanya leksikal yang mempunyai unsur berbaur politik dijana untuk dijadikan fokus data kajian. Seterusnya, data yang telah dijana dianalisis dengan menggunakan teori semantik kognitif. Pada peringkat pertama, penulis akan menginterpretasikan makna bagi setiap unsur leksikal yang menunjukkan pemikiran politik masyarakat Kedah dengan menggunakan pendekatan semantik dan pragmatik. Kemudian, makna yang abstrak ini akan dimanifestasikan dalam bentuk konkrit melalui skema imej (*image schema)* beserta metafora konsepsi.

Kosa Ilmu

Kajian lepas mengenai politik semasa dan bahasa sewajarnya diberikan perhatian bagi memastikan bahan perbinangan ini dapat mengikut konteks yang telah ditetapkan.

Kajian Perspektif Politik

Kajian jenis ini meninjau persepsi masyarakat yang dilihat sebagai rata-rata matang dan menyedari perkembangan politik dalam masyarakatnya. Ia juga merupakan pengalaman modenisasi dan globalisasi dengan mengaitkan kesan tersebut terhadap budaya politik sesuatu masyarakat. Kajian mengenai isu politik sebelum ini lebih banyak diterokai oleh


ahli bidang sains politik untuk menelusuri proses pembangunan dan kematangan politik sesebuah negara. Kajian Ahmad Nidzamuddin dan rakan-rakan pada tahun 2003 merupakan salah satu kajian yang dilaksanakan dalam bidang ini. Ia memberi tumpuan kepada budaya politik masyarakat Melayu Malaysia sama ada ianya membawa perubahan di dalam budaya politik masyarakat Melayu. Kajian ini menjurus kepada analisis huraian dan statistik politik kini. Pengkaji telah menggabungkan dua kaedah iaitu kualitatif (kajian pustakaan) dan kuantitatif (soal selidik) bagi bentuk sebenar budaya politik masyarakat Melayu kini atau dalam era globalisasi. Berdasarkan kepada analisis statistik yang dilakukan pada data soal-selidik lapangan secara keseluruhannya telah memberi gambaran bahawa budaya politik masyarakat Melayu telah berubah iaitu tidak lagi bersifat total feudal atau total konservatif. Namun apa yang menarik daripada analisis yang dilakukan, perubahan tersebut tidaklah suatu perubahan yang bersifat total atau menyeluruh; umpamanya daripada total feudal kepada suatu bentuk budaya politik yang bersifat total sivil atau aktif. Dengan kata lain, perubahan budaya politik bersifat janus, iaitu budaya politik yang bersifat dua wajah. Pengkaji telah mengkonsepsikan "dua wajah" tersebut bersifat kritikal-konservatif. Perbincangan mereka telah berjaya menunjukkan betapa masyarakat telah berubah daripada sifat feudal, neo-feudal dan menuju ke arah yang lebih sivil. Ini bermakna pola pemikiran masyarakat terhadap politik boleh dipandang mudah. Rakyat tidak lagi terus menyokong pemerintah tanpa mempersoalkan kekredibilitian pemerintah. Rakyat sudah mula menolak unsur-unsur rasuah, kronisme dan monopoli kuasa dalam pentadbiran. Inib erbeza dengan apa yang ada pada masyarakat dahulu. Secara tidak langsung ia akan mempengaruhi juga corak pengundian rakyat kepada lanskap politik negara.

Kajian Perspektif Bahasa

Selain bidang politik, isu berkenaan kuasa politik boleh dikupas dengan baik dalam bidang bahasa dan linguistik. Kajian linguistik ini bukan sekadar memerihalkan aspek bahasa semata-mata malah ia juga boleh mencakupi aspek-aspek lain juga. Dapat dilihat darsawarsa ini, kajian bidang linguistik terutamanya semantik kognitif semakin mendapat perhatian di kalangan ahli-ahli bahasa. Hal ini kerana kajian linguistik dapat memerikan

sesuatu fenomena bahasa dengan saintifik di mana ia memenuhi ciri-ciri pengamatan (*observatory*), penghuraian (*descriptive*) dan penjelasan (*explanatory*). Antara pengkaji yang menjadikan semantik kognitif sebagai fokus kajian ialah Khazriyati Salehuddin (2000) dan Rozaimah Rashidin (2008).

Kajian yang dilakukan Khazriyati (2000) bertujuan mengkaji dan membezakan penggunaan simpulan bahasa kuasa/kawalan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Beliau telah mengaplikasikan pendekatan semantik kognitif dengan membincangkan metafora konsepsi dan metonimi. Antara skema imej yang dibina adalah skema imej tatatingkat, skema imej saiz, skema imej penghubung, dan skema imej hadapan-belakang. Hasil kajian beliau mendapati simpulan bahasa Melayu lebih cenderung menggunakan skema imej tatatingkat untuk memanifestasikan konsep kuasa/kawalan. Gambaran skema imej tatatingkat dapat dilihat seperti berikut:




Rajah 1 Skema imej tatatingkat

Skema imej tatatingkat ini menyatakan bahawa ATAS ITU BERKUASA, BAWAH ITU KURANG BERKUASA dan metonimi yang mendasari skema imej ini ialah YANG DI BAWAH MELAMBANGKAN YANG DIKUASAI. Kajian Khazriyati seterusnya dapat dimanfaatkan analisisnya dalam kajian ini.

Nor Hashimah dan Rozaimah (2008) pula, telah mengkaji peluasan makna kata ‘rasuah’ dalam sastera Melayu klasik berdasarkan tipologi rasuah yang dikemukakan oleh

Syed Hussein Alatas (1995). Data kajian yang digunakan diambil daripada empat sumber teks klasik yang telah dipilih iaitu Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Terung Pipit dan Hikayat Raja Pasai. Rozaimah (2008) telah mengaplikasikan pendekatan semantik kognitif untuk menghuraikan peluasan makna 'rasuah' yang berlaku. Beliau telah memanifestasikan makna teras dan pinggiran 'rasuah' dalam bentuk skema imej (skema bekas, skema daya, skema penghubung dan skema tatatingkat) bersama metafora konsepsi. Seterusnya beliau mengaitkan fenomena 'rasuah' dengan pemikiran masyarakat Melayu. Berikut adalah contoh skema imej penghubung yang dihasilkan oleh Nor Hashimah dan Rozaimah (2008) bagi menggambarkan rasuah investif.



Rajah 2: Skema imej rasuah investif

Petunjuk:
LM – Landmark
TR- Trajector
X- Rasuah

Berdasarkan Rajah 1, rasuah investif hanya melibatkan hubungan sehala di antara pemberi dengan penerima. Pemberi akan memberi rasuah (X) yang dirujuk sebagai TR kepada penerima (LM). Pemberian rasuah dilakukan secara sukarela oleh pemberi. Rasuah jenis ini lebih bersifat pelaburan jangka panjang kerana pemberi rasuah tidak akan menerima habuannya daripada penerima dalam masa terdekat. Metafora konsepsi yang sesuai dengan

skema imej ini ialah 'RASUAH ADALAH SATU ENTITI PENGHUBUNG'. Sekali lagi kajian Nor Hashimah dan Rozaimah boleh dijadikan asas perbandingan dengan kajian ini.

Secara keseluruhannya, kajian dalam perspektif politik telah memperlihatkan perubahan budaya politik Melayu dalam bentuk analisis statistik yang dipelopori oleh ahli-ahli politik manakala kajian daripada aspek bahasa pula dapat merungkai sesuatu fenomena seperti kuasa dan kawalan serta rasuah dengan baik dan berpada. Ketiga-tiga kosa ilmu yang dipilih ini telah menjadi penggerak dalam pelaksanaan kajian. Walaupun data yang diambil masih berkisarkan isu politik tetapi ia tidak akan dianalisis daripada perspektif politik. Sebaliknya, penulis lebih menumpukan kepada analisis linguistik untuk melihat persepsi masyarakat terhadap dunia politik semasa di Malaysia. Tambahan lagi, kajian yang berteraskan bidang bahasa juga dilihat berupaya menjelaskan persepsi politik melalui pengaplikasian rumus iaitu semantik kognitif (lihat bawah)

Teori Semantik Kognitif

Menurut Norsimah (2007), semantik kognitif adalah pendekatan yang bertunjangkan pengalaman (*experientalist approach*) yang mengambil kira pengalaman lampau dan alam sekeliling. Apa yang dimaksudkan di sini ialah manusia membuat interpretasi dalam bentuk struktur semantik berdasarkan pengalaman dan pergaulannya dengan dunia sekitar. Saeed (1997) (Dlm Nor Hashimah Jalaluddin et. al, 2007) menyatakan bahawa skema imej (*image schema)* adalah struktur konseptual yang penting dalam semantik kognitif. Skema imej ini merujuk kepada penyusunan pengalaman dalam bentuk imej. Sebenarnya, skema imej lahir daripada beribu-ribu imej yang ada dalam leksikon. Ia merupakan sesuatu bentuk abstrak yang akan disandarkan kepada sesuatu bentuk yang konkrit. Lakoff (1987) menyatakan terdapat tujuh skema imej yang bersifat universal iaitu skema tatatingkat, skema penghubung, skema saiz, skema pusat pinggiran, skema jarak, skema bekas dan skema depan-belakang. Bentuk-bentuk imej yang dibentuk daripada perspektif kognitif ini boleh membentuk metafora konsepsi yang seharusnya ditunjangi oleh pembuktian ekspresi linguistik. Sehubungan dengan itu, persepsi politik masyarakat Kampung Asun dan Binjai akan dikaji daripada sudut semantik kognitif iaitu melalui pembinaan skema imej

berdasarkan unsur leksikal yang dominan. Kemudian, daripada bentuk skema imej yang terhasil, metafora konsepsi akan diterbitkan.

Persepsi Rakyat Dan Semantik Kognitif

Menurut Helge (1997), sikap dan persepsi merupakan sebahagian daripada kognisi. Menurutnya lagi, penilaian seseorang terhadap sesuatu bahasa pada umumnya adalah berdasarkan pandangan mereka yang dipengaruhi oleh faktor sosial. Dalam konteks kajian ini, penulis mendapati terdapat tiga unsur leksikal yang menggambarkan pemikiran masyarakat Kampung Asun dan Binjai terhadap sistem pentadbiran politik kini. Antaranya ialah unsur kuasa (rampasan kuasa), unsur rasuah dan unsur individualistik.

Unsur kuasa (rampasan kuasa)

Data 1


> Depa guna kuasa macam tu la, lepas ni kan la,yang baru lepas, mahkamah isytihar Nizar apa menang…ha…eh jadi Zambri jadi Menteri Besar. Ha…isytihar mahkamah sahaja, tak kuasa rakyat tahu tak. Sebab depa ambil atas kuasa…**atas kuasa mahkamah**. **Depa menang daripada mahkamah. Depa tak menang dengan kuasa rakyat. Dulu masa kita memerintah atas kuasa rakyat tahu tak..**Rakyat bagi **mandat** pada kita. Yang **undi** kita.

Isu politik Perak sehingga kini masih lagi hangat diperkatakan. Ia bermula selepas PRU ke-12 yang memperlihatkan kejatuhan negeri Perak ke tangan pihak pembangkang. Pada PRU ke-11 pada tahun 2004, Barisan Nasional menang 52 kerusi DUN manakala pembangkang 7 kerusi sahaja. Perubahan drastik telah berlaku dalam PRU ke-13 apabila BN hanya mampu bertahan di 28 kerusi DUN sahaja. Parti PAS pula menang 6 kerusi, PKR 7 kerusi dan DAP menang 18 kerusi. Sehubungan itu, kerajaan campuran PKR-PAS-DAP ditabalkan dengan memilih Dato Seri Nizar Jamaludin daripada PAS dilantik sebagai Menteri Besar. Kes ini mula mendapat perhatian apabila terdapat kekosongan kerusi yang disebabkan ahli dewan ‘lompat parti’. Ini menyebabkan kerajaan Pakatan tidak lagi mendominasi dua pertiga ahli dewan. Maka di sini timbulnya usul tidak percaya. Menurut Perlembagaan Negeri Perak, apabila berlaku usul tidak percaya, DUN harus dibubarkan. Namun perkara sebaliknya pula berlaku dalam kes ini apabila kuasa mahkamah digunakan

untuk menafikan terus hak Dr Nizar sebagai Menteri Besar Perak yang sah. Hal ini jelas memperlihatkan rampasan kuasa yang dilakukan demi kepentingan politik.

Dalam pernyataan ***Depa menang daripada mahkamah, Depa tak menang dengan kuasa rakyat*** dan ***Dulu masa kita memerintah atas kuasa rakyat*** memperlihatkan suatu fenomena yang aneh telah berlaku. Di sini, Dr Zambry telah dilantik sebagai Menteri Besar Perak yang baru atas lantikan daripada mahkamah. *Depa* di sini merujuk kepada Dr Zambri yang merupakan ahli Barisan Nasional (BN). Kes ini mula mendapat perhatian apabila terdapat kekosongan kerusi yang disebabkan ahli dewan 'lompat parti'. Dua orang ahli yang terlibat ialah YB Jamaluddin (ADUN Behrang) dan juga YB Osman (ADUN Changkat Jering). Yang dimaksudkan dengan 'lompat parti' di sini ialah kedua-dua wakil rakyat tersebut yang sebelum ini merupakan ahli parti Pakatan Rakyat telah mengumumkan diri mereka keluar dari parti tersebut. Apabila kedua-dua ADUN tersebut berbuat demikian, ini menyebabkan bilangan kerusi pakatan rakyat dengan BN adalah sama. Hal ini menyebabkan kerajaan Pakatan tidak lagi mendominasi dua pertiga ahli dewan dan hal ini seterusnya menyebabkan timbulnya usul tidak percaya terhadap kepimpinan kerajaan pakatan.

Menurut Perlembagaan Negeri Perak, apabila berlaku usul tidak percaya, DUN harus dibubarkan dan perlu diadakan pilihan raya yang baharu. Namun perkara sebaliknya pula berlaku dalam kes ini apabila kuasa mahkamah digunakan untuk menafikan terus hak Dr Nizar sebagai Menteri Besar Perak yang sah. Hal ini kerana YB Nizar dipilih oleh rakyat berdasarkan PRU 12. Skema imej yang memberi gambaran ilustrasi mental secara abstrak bagi mempamerkan hubungan yang wujud di antara pemimpin dengan kuasa besar untuk mencapai kemenangan adalah skema imej sumber-laluan dan matlamat seperti di bawah ini:



Rajah 1 : Skema Imej Sumber-Laluan Dan Matlamat

Petunjuk:

LM: Landmark

TR: Trajector


Daripada rajah skema di atas, TR 1 dan TR 2 adalah X dan Y yang mewakili Nizar dan Zambri. X dan Y bertanding untuk mencapai LM atau sasarannya iaitu kemenangan. X yang menggunakan undian rakyat yang banyak tidak mencapai kemenangan sebaliknya digulingkan manakala Y yang menggunakan kuasa mahkamah mendapat kemenangan. Maka di sini dapat dibina metafora konsepsi **"Kuasa Mengatasi Demokrasi".** Leksikal yang mewujudkan metafora konsepsi ini ialah *kuasa mahkamah* dan *kuasa rakyat (pilihan raya).*

Unsur rasuah

Data 2

Bila PM ambil alih, kuasa mahkamah tahu tak. Kuasa mahkamah yang, yang menentukan. Ha, sebab tu bila mahkamah pun, macam contohkan, Anwar Ibrahim, dia kata, ini hakim tak mahu. Tahu tak, ha…macam-macam. Contohnya di Perak la kan. **Lima orang hakim tu, lima orang hakim tu diatur-atur dah. Hakim ni, memang dah berpihak pada Barisan Nasional dah**. **Atur-atur siap dah BN ni**. Ha, tu la. Lepas tu, bila keputusan mai, lima-lima hakim setuju. Setuju… tapi tak boleh kata apa dah.

Pernyataan yang membuktikan berlakunya rasuah dalam sistem penghakiman data (2) ialah *lima orang hakim tu **diatur-atur** dah*. Interpretasi yang dapat dibuat daripada pernyataan ini adalah lima orang hakim yang ditugaskan untuk menghakimi kes pemberian jawatan menteri besar Perak di antara Nizar (Parti Pakatan) dan Zambri (Barisan Nasional) telah dibayar oleh pihak pemberi untuk memberi kemenangan kepada Barisan Nasional. Rasuah yang berlaku ini dikenali sebagai rasuah transaktif. Rasuah ini merujuk kepada perbuatan kesepakatan timbal balik antara pihak pemberi dan pihak penerima demi keuntungan kedua-dua belah pihak, dengan aktif diusahakan tercapainya keuntungan ini oleh kedua-duanya (Syed Hussein: 1995). Dalam konteks data (2), keuntungan bagi hakim (pihak penerima) merujuk dalam bentuk wang yang diterima setelah memberikan kemenangan kepada Zambri manakala keuntungan bagi pihak pemberi merujuk kepada kejayaan parti Barisan Nasional untuk memegang tampuk pemerintahan negeri Perak. Skema imej penghubung telah diaplikasikan bagi menggambarkan kesepakatan pihak pemberi dan penerima.



Rajah 2: Skema penghubung *rasuah transaktif*

Petunjuk:

LM: Landmark
TR: Trajector
X : Rasuah

Skema di atas membuktikan rasuah transaktif berlaku pada arah sehala iaitu menghubungkan antara pemberi dan penerima rasuah. Dalam hal ini, pemberi memberi rasuah secara sukarela untuk memastikan kemenangan berpihak padanya. Metafora konsepsi yang dapat dibina berdasarkan rasuah ini ialah:

Metafora konsepsi: 'Rasuah Adalah Penentu Kemenangan'

Data 3


Jadi mai pulak menantu pak Lah pulak Khairi. **Depa marah lagi sebab Khairy dapat banyak projek dapat macam-macan lagi kan**. Macam-macam nak buat. Jadi rakyat mula la. Bukan saja parti pembangkang jadi orang sendiri pun dah mula kurang beri kepercayaan…cara pak Lah tu pegang kan.

Rasuah dalam data (3) pula, dapat dilihat menerusi pernyataan ***Khairy dapat banyak projek*.** Rasuah yang berlaku ini dapat diidentifikasikan sebagai rasuah perkerabatan. Menurut Syed Hussein (1995), rasuah perkerabatan merujuk kepada penunjukan yang tidak sah terhadap teman atau sanak saudara untuk memegang jawatan dalam pemerintahan atau tindakan yang memberikan perlakuan yang mengutamakan dalam bentuk wang atau bentuk-bentuk lain kepada mereka secara bertentangan dengan norma dan peraturan yang berlaku. Juga pengangkatan sanak saudara, teman-teman atau rakan-rakan politik pada jawatan-jawatan awam tanpa memandang jasa mereka mahupun konsekuensinya pada kesejahteraan awam.

Dalam konteks data (3), penulis berandaian bahawa Khairi mendapat banyak projek kerana beliau merupakan menantu kepada Pak Lah iaitu Perdana Menteri yang memegang tampuk pemerintahan pada ketika itu. Secara tidak langsung, Pak Lah adalah antara individu yang berkuasa dalam meluluskan mana-mana projek yang ingin diusahakan. Menelusuri pandangan yang dikemukakan oleh Lee Ban Chen (2005), beliau ada memerihalkan keistimewaan Khairy yang berjaya memegang jawatan Naib Ketua Pemuda UMNO tanpa bertanding pada usia yang muda iaitu 28 tahun, kerana semua pesaingnya menarik diri untuk memberikan laluan kepada beliau. Lee (2005) turut menambah, Khairy bukan sahaja istimewa kerana menjadi menantu Pak Lah namun beliau juga berperanan sebagai pembantu Pak Lah membuat kajian, menyelidik, menulis ucapan Perdana Menteri, merangka strategi dan dasar-dasar Perdana Menteri.

Tindakan ini jelas bertentangan dengan norma dan peraturan kerana Pak Lah dianggap telah menyalahgunakan kuasanya untuk meluluskan kesemua projek yang diketuai oleh Khairi tanpa melalui prosedur permohonan mendapatkan kelulusan projek yang sepatutnya. Oleh yang demikian, rasuah perkerabatan ini dikenali sebagai tindakan

yang mengutamakan pemberian projek kepada mereka (yang mempunyai hubungan pertalian keluarga) tanpa menilai latar belakang projek atau kewibawaan pemohon tersebut berbanding pemohon lain. Ia bersifat dua hala dan menguntungkan kedua-dua belah pihak (pemerintah dan penerima projek). Hal ini dapat digambarkan melalui skema imej pusat-pinggiran bersama metafora konsepsi **'Yang Hampir Itu Utama'**. Apa yang dimaksudkan dengan metafora konsepsi ini ialah semakin hampir hubungan seseorang itu dengan pemerintah yang memegang tampuk pemerintahan, semakin mudah seseorang itu mendapatkan sesuatu projek. Oleh sebab itu, kebanyakan pemberian projek diutamakan kepada Khairy. Leksikal yang menyokong bentuk metafora konsepsi di atas ialah *banyak projek* dan *cara Pak Lah tu...*



Rajah 3: Skema pusat-pinggiran *rasuah perkerabatan*

Berdasarkan skema pusat-pinggiran, istilah '**LEBIH UTAMA**' yang digunakan dalam metafora konsepsi bagi konteks ini adalah merujuk kepada keutamaan pemberian projek diberikan kepada kaum keluarga yang terdekat terlebih dahulu sebelum berpindah kepada teman atau individu mahupun kumpulan lain. Projek menjadi pusat manakala keluarga,


teman dan individu atau kumpulan lain menjadi pinggiran. Pinggiran yang paling hampir dengan pusat akan mendapat keutamaan.

Unsur individualistik

Data 4

> Mai Najib ni , dia berubah fesyen tu, tak berapa nak…ha…habis Melayu. Dia nak buat bersatu apa pun tak boleh jadi la… **Dia UMNO ni yang boleh lemah, kerana depa tu. Pasai dia lupa bawah,** Ha, ha,**dia tak tengok rakyat**. Dia masa, masa mereka memerintah dulu depa pegang selama 50 tahun. Bila 50 tahun depa pegang, **depa lupa pada hak orang bawah-bawah.** Ha..ha, **orang elit**, ha.. Tak, tak berapa, berapa nak syok la. Jadi kita bawah pemerintah, tak seronok la.

Pernyataan ***dia tak tengok rakyat*** dalam konteks di atas bermaksud pemimpin yang tidak mengambil berat atau menghiraukan rakyat di bawahnya. Hal ini mungkin dipengaruhi oleh faktor darjat atau status yang mana pemimpin berada pada tahap yang tinggi manakala rakyat terletak di bawahnya. Namun sekiranya diimbas kembali sorotan ketika musim kempen pilihan raya, didapati golongan tinggi (pemimpin) turun meninjau keadaan rakyat di bawahnya bagi mendapat perhatian atau dengan lebih tepat meraih undian rakyat untuk memenangi kerusi yang dipertandingkan. Namun demikian, setelah mencapai kemenangan mereka tidak lagi memberi perhatian kepada rakyat. Fenomena ini dapat diilustrasikan melalui skema imej atas-bawah seperti di berikut:



Rajah 4: Skema atas-bawah *individualistik*

Skema atas-bawah di atas menggambarkan kedudukan bagi pemimpin dan rakyat. Daripada skema atas-bawah, didapati paksi atas dikuasai oleh golongan pemimpin yang mempunyai kuasa setelah meraih undi yang banyak daripada rakyat semasa pilihan raya. Keadaan sebaliknya berlaku pada rakyat apabila rakyat menduduki paksi bawah yang menunjukkan mereka tidak mempunyai kuasa untuk memimpin dan diabaikan oleh pemimpin yang sebelum ini telah menabur janji-janji manis. Metafora konsepsi yang sesuai untuk skema imej ini ialah '**Yang Atas Itu Berkuasa, Yang Bawah Itu Tidak Berkuasa**. Sebagai rumusan daripada data yang dikutip, rakyat yang di BAWAH sentiasa merasakan mereka tidak mampu berbuat apa-apa lantaran tidak mempunyai kuasa berbanding dengan pemimpin yang berada di ATAS. Gejala rasuah, kronisme dan perebutan kuasa dapat dilihat oleh rakyat. Namun demikian, sebagai rakyat, kuasa mengundi berada di tangan mereka. Natijahnya apabila mereka yang di ATAS menyalahgunakan kuasa, maka rakyat yang di BAWAH pula menterjemahkan dalam bentuk undi. Maka terjadilah peralihan kuasa pada 2008 dari kerajaan Barisan Nasional ke barisan Alternatif.

Kesimpulan

Tuntasnya, pemikiran masyarakat Kampung Asun terhadap tampuk pemerintahan kini dilihat cenderung ke arah tanggapan yang negatif. Hal ini sejajar dengan fenomena yang melanda tampuk pemerintahan kini iaitu seperti rampasan kuasa, rasuah dan individualistik yang semakin menular hari demi hari. Sehubungan itu, pengaplikasian teori semantik kognitif telah berjaya menterjemahkan daripada abstrak kepada konkrit persepsi masyarakat Kampung Asun dan Binjai berkenaan dengan politik semasa yang berlaku di Malaysia. Melalui paparan skema imej dan metafora konsepsi yang terbina daripada unsur leksikal dominan, penulis dapat menyelami fikiran rakyat dengan baik dan berpada.

Penghargaan

Kertas ini merupakan sebahagian daripada analisis penyelidikan bagi projek UKM-SK-05-FRGS0006-2008 (Kajian Dialek Melayu Utara).

Rujukan

Abdul Ghani Othman. 2000. Politik Bahasa Dan Bahasa Politik. *Jurnal Dewan Bahasa.* 44(6): 626-634.

Bister-Broosen, H. 1997. Communication ini in the alemanic area: Language use and attitudes in Colmar and Freiburg. *Language choice: conditions, constraints and consequences*. Armsterdam: Benjamin Publication.

Mohd Annuar Zaini. 2007. Kepimpinan: Ujian terhadap amanah dan tanggungjawab, dlm Anis Yusal Yusoff, Mohd Rais Ramli & Zubayry Abady Sofian (pynt). 2007. *Integriti politik di Malaysia: Ke arah kefahaman yang lebih sempurna*. Institut Integriti Malaysia: Kuala Lumpur.

James T. Collins. 1987. *Dialek Melayu Sarawak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Linguistik. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Khazriyati Salehuddin. 2000. Mekanisme Kognitif Dalam Simpulan Bahasa Kuasa Dan Kawalan. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44 (12): 1222-1234.

Keputusan Pilihanraya Umum 2008. Dipetik pada 15 Februari 2010.http://semak.spr.gov. my /spr/

http://www.facebook.com/pages/Sahabat-Dato-Seri-Ir- Hj-Mohammad-Nizar-Jamaluddin/

Lakoff. 1987. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho-Abdullah & Idris Aman (pnyt.). *Linguistik Teori dan Aplikasi*, 2007. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lee Ban Chen. 2005. Khairy: istimewa dan tidak istimewanya dlm *Agenda Melayu atau Agenda Rakyat.* Petaling Jaya: SIRD Malaysia.

Muhammad Afifi Abdul Razak. Memulih sokongan rakyat. Dipetik 22 Mac 2010. http://www.utusan.com.my/utusan/

Nor Hashimah Jalaluddin & Rozaimah Rashidin. 2008. Rasuah dalam karya sastera Melayu klasik : Satu Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal e-Bangi*. (**3**) 3 : 1-32

Norsimah Mat Awal. 2007. Peluasan makna kata 'Aman' dan 'Manis' bersandarkan Data Korpus Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho-Abdullah & Idris Aman (pnyt.). *Linguistik teori dan aplikasi. 2007.* Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Nidzamuddin Sulaiman, Zaini Othman, Jamaie Hamil dan Suzanna Mohd Isa. 2003. Pembinaan keupayaan dalam arus globalisasi: Anjakan paradigma budaya politik Melayu, dlm *Prosiding Seminar Kebangsaan Arus Perdana II*. Institut Alam dan Tamadun Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saeed J.I. 1997. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho-Abdullah & Idris Aman (pnyt.). *Linguistik Teori dan Aplikasi*, 2007. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Hussein Alatas. 1995. *Rasuah: sebab, sikap dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.